

MEMAHAMI KEPENTINGAN KARAKTERISTIK PELAJAR TAHFIZ TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK *HIFZ* AL-QURAN

(Understanding the Importance of the Characteristics Tahfiz Students Towards
Achievement in Subject *Hifz* al-Quran)

¹INTAN ZAKIAH JAMALUDDIN

¹MUNIF ZARIRRUDDIN FIKRI NORDIN

¹College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM,
Sintok, Kedah, Malaysia

ABSTRAK

Karakteristik pelajar tahfiz merupakan aspek yang penting dalam hafazan al-Quran. Karakteristik yang merangkumi faktor demografi, faktor dalaman dan juga strategi pembelajaran tahfiz dikenalpasti mempunyai kesan terhadap pencapaian lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*). Justeru kajian konseptual ini membincangkan perincian karakteristik pelajar tahfiz berdasarkan faktor demografi yang terdiri daripada jantina dan lokasi tempat tinggal. Manakala bagi faktor dalaman ialah berhubung dengan atribut nilai, jangkaan, afektif dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Strategi pembelajaran tahfiz pula dibahagikan kepada empat strategi, iaitu kognitif, metakognitif, pengurusan sumber dan strategi menghafaz al-Quran. Secara keseluruhannya, karakteristik pelajar tahfiz (faktor dalaman dan strategi pembelajaran tahfiz) selari dengan aspek kesediaan dan latihan dalam model Thorndike. Manakala pencapaian pelajar tahfiz berdasarkan penilaian lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*) adalah selari dengan aspek kesan dalam hukum Thorndike yang mengimplicasikan sebagai hasil dalam suatu pembelajaran. Penilaian ini juga selari dengan konsep *talqin* dan *al-fahm* dalam model *al-Qabīsī*

Kata kunci: Hafazan al-Quran; karakteristik; kesediaan; latihan; kesan

ABSTRACT

The characteristic of tahfiz students are important aspect in memorizing of al-Quran. It consists of demographic factors, internal factors and learning strategy, and these factors have been recognised in effecting the students performance in oral (syafawī) and writing (tahrīrī) assessments. In this conceptual study, it discussed and analysed in depth the above factors and it's relation and conformity to Thorndike's law model and al-Qabīsī's model. The factors can be further divided as followed; gender and location in demographic factors; attributes values, expectations, affective and internal development strategy in internal factors; cognitive, metacognitive, resource management and strategies to memorize al-Quran in the factor of learning strategy. In this study, the characteristics of the tahfiz students (internal factor and learning strategy) was found to be parallel and conformed to the Thorndike's Law of Readiness and Exercise. Student achievement based on the assesments of oral (syafawī) and writing (tahrīrī) was in line with the Law of Effect by Thondike and also talqin and al-fahm concept in the al-Qabīsī's model.

Keywords: Hafazan al-Quran; characteristics; readiness; exercise; effect

PENDAHULUAN

Maahad tahfiz adalah tempat yang mengkhususkan kepada individu yang ingin menghafaz keseluruhan al-Quran. Individu yang mengkhatamkan al-Quran dengan menghafaz keseluruhan teks al-Quran ini dipanggil sebagai *al-Hāfīz* atau *al-Hāfīzat* (al-Masyā'īlat 2010). Sementara individu yang sedang menghafaz al-Quran di institusi tahfiz dikenali sebagai 'pelajar tahfiz'.

Sistem pembelajaran dan penilaian hafazan yang dilaksanakan di maahad tahfiz, contohnya Darul Quran adalah berasaskan kepada pencapaian menghafaz al-Quran. Pelajar diwajibkan menghabiskan silibus *muqarrar* hafazan sebagai persediaan menduduki peperiksaan serta meneruskan pengajian kepada semester yang berikutnya. Kekuatan hafazan akan dinilai melalui lisan *syafawī* dan bertulis *tahrīrī* (Darul Quran 2014). Kedua-dua bentuk penilaian ini merupakan hasil akhir dalam sesuatu pembelajaran subjek *hifz* al-Quran.

Umumnya, melalui hasil akhir penilaian subjek *hifz* al-Quran ini, pihak Darul Quran telah berjaya menghasilkan ramai golongan *huffāz* dari kalangan pelajar tahfiz yang mengikuti program diploma serta pensijilan. Situasi ini terbukti apabila pihak Darul Quran telah menganugerahkan 250 orang graduan *huffāz* dari setiap negeri pada tahun 2014 (Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran 2015). Kejayaan tersebut merupakan pencapaian yang membanggakan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Lahirnya golongan *huffaz* adalah kerana mereka menghafaz al-Quran. Proses menghafaz al-Quran menuntut kesabaran individu untuk menyelesaikan hafazan keseluruhan al-Quran. Namun begitu, tidak kesemua pelajar dapat menamatkan hafazan al-Quran mereka apabila berada di institusi tahfiz (Umu Hani 2014) dalam jangka masa tertentu, malah gagal menamatkan keseluruhan hafazan al-Quran (Darul Quran 2014). Kegagalan ini berpunca daripada masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh pelajar tersebut (Abdul Hafiz & Hasimah 2004).

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) mendapati bahawa di antara contoh masalah dalaman pelajar ialah berkenaan dengan sendiri pelajar yang lemah dalam melakukan tugas seperti tidak bersemangat, malas dan sebagainya (Umu Hani 2014). Manakala bagi masalah luaran pelajar tahfiz ialah masalah-masalah yang timbul dalam strategi pembelajaran seperti pengurusan masa yang kurang bijak, gangguan persekitaran dan lain-lain (Abdul Hafiz & Hasimah 2004; Abdul Hafiz 2007). Arif Rahman (2013) mengungkapkan masalah-masalah yang melanda pelajar tahfiz ini sebagai cabaran-cabaran duniawi yang boleh menjejaskan tahap hafazan seseorang pelajar.

Mutakhir ini terdapat banyak model yang membincangkan tentang kaedah menghafaz al-Quran yang berkesan ke atas pelajar. Model-model ini diperkenalkan dengan tujuan dapat menghasilkan golongan *huffaz* yang mampu memelihara al-Quran (Abdul Hafiz & Hasimah 2004; Abdul Hafiz & Norhanan 2009; Sedek 2012). Walaupun demikian, kejayaan menghasilkan golongan *huffaz* yang berkualiti bukanlah didasari oleh faktor model hafazan yang digunakan semata-mata. Hal ini kerana, model hafazan akan dapat dikuasai oleh pelajar atau sesiapa sahaja yang mempelajari model tersebut dalam masa yang singkat (Mohd Nazri 2010).

Umu Hani (2014) menyatakan bahawa hakikat kejayaan menghasilkan golongan *huffaz* adalah berkait rapat dengan kekuatan dalaman seseorang pelajar itu sendiri. Manakala Azmil (2014) menjelaskan bahawa kesilapan dalam strategi pembelajaran mempengaruhi pencapaian pelajar tahfiz. Azrinawati et al. (2013) menggambarkan, konsep pembelajaran berasaskan diri pelajar merupakan faktor yang mampu menggerakkan usaha mereka ke atas sesuatu matlamat pembelajaran. Justeru, walaupun model-model hafazan telah banyak diketengahkan, namun hakikatnyakarakteristik pelajar tahfiz itu sendiri yang banyak mempengaruhi usaha untuk mempraktikkan model-model hafazan tersebut. Kajian ini membincangkan aspek-aspek dalam karakteristik pelajar tahfiz yang mempengaruhi pencapaian subjek *hifz* al-Quran dan membina kerangka berkenaan karakteristik pelajar tahfiz.

SOROTAN LITERATUR

Pembahagian literatur dibahagikan kepada lima, iaitu karakteristik pelajar tahfiz, faktor demografi, faktor dalaman, strategi pembelajaran tahfiz dan pencapaian subjek *hifz* al-Quran.

Karakteristik Pelajar Tahfiz

Karakteristik pelajar merujuk kepada pola aktiviti yang ditentukan seseorang pelajar atau kemampuan pelajar menghasilkan suatu watak hasil daripada lingkungan persekitaran. Karakteristik juga menjelaskan nilai personaliti yang digambarkan secara luaran atau pun dalaman seseorang. Dalam *Allport's Theory of Traits* menjelaskan bahawa karakteristik individu berasal daripada faktor dalaman seseorang (Barkhuus & Csank 1999). Manakala Nur Raina (2011) menjelaskan, karakteristik pelajar juga dikaitkan dengan kepelbagaian strategi yang disusun oleh pelajar dalam mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Justeru, 'karakteristik pelajar tahfiz' dapat difahami sebagai nilai personaliti seseorang pelajar yang menghafaz al-Quran.

Menurut Azrinawati et al. (2013), beberapa faktor penting ke atas pencapaian ialah aspek demografi, motivasi dan strategi pembelajaran. Motivasi merupakan karakteristik pelajar yang mendominasi faktor dalaman. Ia diperlukan ke atas diri seseorang pelajar tahfiz sebagai persediaan menghadapi pembelajaran (Nur Istifa'ah 2009). Dalam hukum Thorndike (1914), persediaan pembelajaran merupakan suatu hukum pembelajaran yang sifatnya boleh dikawal. Misalnya persediaan dalaman pelajar bagi menghadapi proses pembelajaran yang dikaitkan dengan motivasi. Umu Hani (2014) mengaitkan situasi hilang motivasi dalam menghafaz al-Quran mempunyai kaitan dengan unsur paksaan. Hal ini kerana pelajar yang tidak bersemangat menghafaz al-Quran biasanya terdiri daripada mereka yang mampu menghafaz al-Quran tetapi tidak dengan kemahuan mereka sendiri (Umu Hani 2014).

Hakikatnya, para pelajar tahfiz banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman mereka sendiri. Menurut Murihah et al. (2015), situasi ini dijelaskan sebagai konsep pemusatan pelajar yang memerlukan persediaan rapi dari seseorang pelajar tahfiz. Dalam hukum Thorndike (1914), persediaan merupakan perkara yang mewakili beberapa persiapan. Sebagai contoh, elemen nilai, jangkaan, afektif (Pintrich et al. 1991) dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz (al-Masyā'ilat 2010) yang menekankan aspek-aspek khusus dalam aktiviti pembelajaran. Keadaan ini yang boleh dirujuk sebagai kesediaan dalaman pelajar tahfiz.

Selain itu, penyusunan strategi pembelajaran turut memerlukan latihan yang optimum dari seseorang pelajar agar tujuan pembelajaran dapat dicapai. Dalam model Thorndike (1914), hukum latihan amat bersesuaian dengan aktiviti menghafal. Seseorang pelajar dapat menguasai kemahiran sekiranya latihan dilakukan secara berulang. Selain itu, permasalahan para pelajar tahfiz juga dikaitkan dengan kesilapan dalam mengamalkan strategi pembelajaran yang betul (Aznil 2014). Keunikan dalam pembelajaran tahfiz (Boyle 2000, 2006) menuntut beberapa strategi yang spesifik dalam proses menghafaz serta amalan menghafaz.

Justeru, terdapat tiga karakteristik pelajar tahfiz yang perlu diperhatikan, iaitu faktor demografi, faktor dalaman dan strategi pembelajaran tahfiz.

Faktor Demografi

Demografi ialah perkara yang merujuk kepada latar belakang individu. Latar belakang individu tersebut melibatkan kriteria-kriteria yang tertentu seperti tempat tinggal, kewarganegaraan, pendidikan, etnik dan sebagainya. Salah satu cabang dalam faktor ini ialah berkenaan dengan jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz. Perbincangan mengenai jantina dan lokasi tempat tinggal dalam bidang hafazan al-Quran di Malaysia masih belum meluas. Perbincangan mengenai jantina telah bermula pada tahun 1980-2000-an di Malaysia (Azlina 2012), namun perbincangan tersebut berkisarkan bidang-bidang yang berlainan dari hafazan al-Quran.

Perbezaan jantina dalam menghafaz al-Quran berkemungkinan memberikan kesan yang berbeza ke atas pelajar. Hal ini kerana para pelajar lelaki dibenarkan untuk menghafaz al-Quran pada setiap hari, manakala pelajar perempuan tidak dibenarkan menghafaz al-Quran pada waktu-waktu tertentu disebabkan faktor biologi. Faris Keblawi (2013) memperakui bahawa faktor jantina sememangnya memberikan kesan dalam bidang hafazan al-Quran. Dari segi emosi, pelajar perempuan dikatakan sering mengalami gangguan keseimbangan dalaman yang dipengaruhi oleh hormon (Abdul Hafiz et al. 2008). Walau bagaimanapun, kekuatan memori pelajar perempuan dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran didapati lebih baik daripada pelajar lelaki (Nur Anisa 2011). Namun begitu, lebih ramai pelajar lelaki telah memperolehi gred A dalam subjek hafazan al-Quran (Nur Anisa 2011). Hal ini menunjukkan bahawa pemeliharaan hafazan al-Quran pelajar lelaki lebih terkawal. Manakala pelajar perempuan mempunyai potensi untuk cemerlang dalam bidang hafazan al-Quran sekiranya didedahkan dengan pendekatan-pendekatan tertentu. Antara pendekatan tersebut seperti menyemai karakteristik pelajar tahfiz dalam peribadi mereka.

Selain itu, suasana serta persekitaran yang bising boleh menyebabkan pembelajaran terjejas. Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) mengenalpasti situasi ini sebagai masalah

luaran pelajar tahfiz. Lokasi yang strategik untuk menjalankan aktiviti menghafaz al-Quran ialah kawasan luar bandar (Heri Saptadi 2012). Menurut kajian Abdul Hafiz (2007), sejumlah 40 peratus pelajar mengakui bahawa kedudukan lokasi maahad tahfiz di kawasan bandar akan menyebabkan proses menghafaz terganggu. Kewujudan Darul Quran di kawasan pedalaman yang jauh dari bandar juga menunjukkan bahawa kesesuaian lokasi menghafaz untuk para pelajar tahfiz terbukti apabila penghasilan golongan *huffaz* kebanyakannya lahir dari kawasan ini (Darul Quran 2014). Terdapat juga beberapa maahad tahfiz kerajaan cawangan negeri yang didirikan di kawasan pedalaman, misalnya negeri Sabah dan Terengganu. Selain itu juga, kebanyakan institusi-institusi tahfiz tradisional yang menggunakan sistem pondok kerap dijalankan di kawasan-kawasan pedalaman (Resti 2014).

Penubuhan maahad-maahad tahfiz bukan sahaja didirikan di kawasan luar bandar malah turut dibangunkan dikawasan perbandaran (Muhammad Qodri 2010; Darul Quran 2014). Kebelakangan ini, terdapat institusi tahfiz swasta yang dibuka dalam bangunan rumah kedai di kawasan pusat bandar. Hal ini bertepatan dengan kajian Najihah dan Rozilah (2012), yang turut menyenaraikan institusi tahfiz di kawasan perbandaran sebagai satu bentuk kemudahan asas yang khusus untuk penduduk bandar.

Justeru, kajian yang menyatakan bahawa kawasan bandar tidak sesuai untuk pelajar tahfiz memberikan tumpuan untuk menghafaz al-Quran harus dibuktikan secara empirikal berdasarkan pencapaian mereka.

Faktor Dalaman

Faktor dalaman ialah perkara yang merujuk kepada semangat atau intuisi dalaman individu. Intuisi dalaman terdiri daripada elemen nilai, jangkaan, afektif dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz (al-Masyā'ilat 2010). Sikap merupakan salah satu atribut nilai yang menonjolkan tingkah laku pelajar (Ghazali 2012). Tingkah laku yang negatif menunjukkan adanya gangguan ke atas faktor dalaman seseorang pelajar (al-Masyā'ilat 2010). Riswandi (2013) menjelaskan situasi ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan dorongan intrinsik dan ekstrinsik dalam diri pelajar tersebut. Selain itu, elemen nilai tugasan juga merupakan faktor penting dalam konteks nilai (Ghazali 2012). Kesedaran pelajar tahfiz terhadap amanah Allah berhubung tugasan hafazan yang dibawa dapat memandu mereka lebih konsisten dalam usaha menghafaz al-Quran (Umu Hani 2014).

Pelajar juga seharusnya dapat menjangkakan setiap tindakan dalam pembelajaran mampu memberikan manfaat atau pun sebaliknya. Dalam teori jangkaan Pintrich et

al. (1991), aspek jangkaan dan kawalan kepercayaan mempunyai perkaitan di antara satu sama lain. Kajian Ghazali et al. (2011) memfokuskan kepada aspek jangkaan dan kawalan kepercayaan terhadap kemahiran pelajar. Kajian ini tidak mengkhususkan aspek-aspek tersebut dalam bidang hafazan al-Quran, sebaliknya dalam bidang komunikasi bahasa Arab. Kajian tentang aspek jangkaan dan kawalan kepercayaan dalam bidang hafazan al-Quran masih berada di tahap yang minimum dan kurang meluas. Selain itu, elemen jangkaan turut mempunyai perkaitan yang erat dengan atribut efikasi sendiri. Hal ini kerana efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan seseorang pelajar untuk melakukan atau meneruskan sesuatu tugas dalam pembelajaran. Kepercayaan terhadap diri sendiri yang tinggi akan menjadikan seseorang pelajar lebih berusaha untuk mengukuhkan kedudukan mereka pada tahap yang diinginkan (al-Masyā'ilat 2010).

Dalam elemen afektif, kebimbangan turut menjadi salah satu faktor yang dibincangkan (Pintrich et al. 1991; Pintrich & Schunk 2002). Misalnya dalam penilaian menghafaz al-Quran, ramai pelajar tahfiz dalam kalangan perempuan berasa bimbang dan terlupa akan ayat-ayat hafazan yang ingin dibaca (Abdul Hafiz et al. 2008). Perasaan bimbang menjadi semakin ketara apabila pelajar mempunyai saingan lain dalam sesi penilaian (Ghazali et al. 2010).

Dalam hukum kesediaan Thorndike (1914), pembelajaran dapat diterima sekiranya psikologi seseorang pelajar berada dalam keadaan yang positif. Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang hukum kesediaan Thorndike (1914) dalam pembelajaran seperti Anupama (2014); Edgar (2012); Mittal Monika & Lata Parveen (2015). Namun kajian-kajian tersebut menekankan aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam bidang yang berlainan dengan hafazan al-Quran. Walau bagaimanapun, hal ini menunjukkan bahawa persediaan mental dalam menghadapi pembelajaran perlu dititikberatkan oleh para pelajar.

Persediaan pelajar tahfiz dalam menghadapi pembelajaran tahfiz juga wajar diberi perhatian. Justeru, kesemua elemen dalam faktor dalaman yang merangkumi nilai, jangkaan, afektif dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz merupakan persediaan-persediaan yang perlu ada dalam diri seseorang pelajar tahfiz.

Strategi Pembelajaran Tahfiz

Proses menghafaz al-Quran melibatkan pembacaan atau tilawah al-Quran. Usaha pembacaan yang dilakukan secara berterusan dapat meningkatkan produktiviti menghafaz al-Quran (Anisa 2014). Menurut Very & Magda (2011), pembacaan al-Quran merangkumi beberapa aspek yang berhubung dengan neurologi, iaitu aspek visualisasi, pendengaran, bahasa, kognitif dan ketuhanan. Usaha ini juga dikaitkan

dengan strategi pembelajaran tahfiz yang merujuk kepada elemen kognitif dan metakognitif seseorang pelajar. Strategi kognitif dan metakognitif mempunyai perkaitan yang saling memerlukan di antara satu sama lain (Pintrich dan Elisabeth 1990). Misalnya regulasi sendiri dalam strategi metakognitif merupakan suatu proses penentuan terhadap kemampuan kognitif dalam matlamat pencapaian (Zimmerman 2008). Pembelajaran kognitif dikelaskan kepada empat bentuk, iaitu latihan, penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis (Pintrich et al. 1991).

Selain itu, strategi pembelajaran tahfiz juga dijelaskan sebagai kebijakan seseorang pelajar mengurus sesuatu sumber yang mendorong kepada aspek pembelajaran. Strategi pengurusan sumber dibahagikan kepada persekitaran dan masa, regulasi usaha, belajar dengan kawan-kawan serta mencari bantuan (Pintrich et al. 1991). Kenyataan ini selaras dengan saranan Mohd Nazri (2010) dan Mohd Solleh (2011) yang menjelaskan bahawa strategi pembelajaran tahfiz yang bijak adalah berkaitan dengan pengurusan masa yang optimum. Umu Hani (2014) mencadangkan bahawa sesi hafazan dan sesi mengulang haruslah bergerak seiring. Namun begitu, perkara yang lebih utama ialah meletakkan amanah mengulang al-Quran yang lebih banyak daripada menghafaz ayat-ayat baru adalah satu kewajipan (Umu Hani 2014).

Selain itu, Hanifah (2010) dan Layin (2014) mengisyaratkan bahawa penghafazan al-Quran yang didorong oleh rakan-rakan seperti rakan sebaya juga merupakan faktor penting dalam pencapaian tahfiz. Sementara Abdul Hafiz dan Hasimah Muda (2004) serta Aslam et al. (2012) menjelaskan penggunaan alat elektronik seperti alat perakam suara yang menampilkan suara Qari-qari terkenal merupakan salah satu teknik yang memudahkan strategi menghafaz al-Quran dengan kaedah bantuan (Abdul Hafiz dan Hasimah 2004).

Dalam hukum Thorndike (1914), latihan merupakan hukum pembelajaran yang dapat membantu mengukuhkan aktiviti pembelajaran pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas, Bayu (2008) menghubungkan teori hukum latihan Thorndike (1914) dengan metod *problem posing* (membuat soalan) ke atas para pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab. Latihan tersebut bertujuan dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang bahasa Arab. Manakala Muslihatul Umami (2013) turut menggunakan Teori Thorndike dalam mengkaji penerapan *ta'zir* terhadap disiplin para pelajar pondok pesantren dalam pembelajaran. Kajian membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara penerapan hukum *ta'zir* dengan disiplin para pelajar terhadap pencapaian. Fitrotul Laili (2014) memperkenalkan metod *Drill* dalam meningkatkan aktiviti pembelajaran dengan landasan Teori Thorndike. Hasil dapatan mengemukakan bahawa metod *Drill* berkesan menonjolkan keterampilan membaca dan menulis dalam aktiviti pembelajaran. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran melibatkan latihan yang konsisten dari para pelajar.

Aplikasi latihan dalam menghafaz al-Quran juga wajar diberi perhatian. Justeru, strategi pembelajaran tahfiz yang merangkumi strategi kognitif, metakognitif, pengurusan sumber dan strategi menghafaz al-Quran merupakan suatu kemahiran yang harus sentiasa dilatih kepada setiap pelajar tahfiz.

PENCAPAIAN SUBJEK *HIFZ* AL-QURAN

Pencapaian subjek *hifz* al-Quran mempunyai dua bentuk penilaian. Penilaian tersebut ialah kaedah lisan *syafawī* dan bertulis *tahrīrī*. Dua penilaian ini merupakan peringkat akhir setelah pelajar melalui proses pembelajaran dalam suatu jangka masa yang ditetapkan. Ia dijalankan bagi mengenalpasti tahap penguasaan hafazan al-Quran para pelajar.

Pencapaian subjek *hifz* al-Quran secara lisan *syafawī* dan bertulis *tahrīrī* yang telah menjadi amalan serta tradisi di institusi-institusi tahfiz (Nor Musliza & Mokmin 2014) mempunyai beberapa syarat tertentu. Di antara syarat tersebut ialah menamatkan silibus yang dicadangkan oleh pihak institusi. Pelajar yang layak menduduki penilaian subjek *hifz* al-Quran merupakan pelajar yang telah memenuhi syarat untuk dikategorikan sebagai calon peperiksaan.

Pencapaian subjek *hifz* al-Quran secara bertulis menunjukkan konsep *al-fahm* (kefahaman) telah dipenuhi oleh seseorang pelajar (al-Qabīsī 1955). Situasi ini membuktikan bahawa hafazan tidak hanya diingati dari segi sebutan (konsep *talqīn*) (al-Qabīsī 1955). Azmil (2014) menyatakan bahawa metod penulisan dalam bidang hafazan al-Quran menunjukkan ingatan para pelajar berada pada tahap yang mampan. Proses pembelajaran juga dianggap baik apabila aktiviti pembelajaran melibatkan penderiaan yang pelbagai (Nor Musliza & Mokmin 2014). Terdapat beberapa kajian lepas yang menggunakan Teori al-Qabīsī dalam kajian mereka. Antaranya ialah Azmil et al. (2013), kajian tersebut menghubungkan Teori al-Qabīsī dengan pengajaran tahfiz. Selain itu, terdapat juga perbincangan-perbincangan lepas yang menerangkan sumbangan al-Qabīsī secara menyeluruh tetapi perbincangan tersebut tidak memfokuskan bidang hafazan al-Quran (al-Husaini 2014; Siti Salwa & Muhamad Zahiri 2014).

Selain itu, dalam hukum Thorndike (1914), hasil pembelajaran ditunjukkan sebagai aspek kesan. Aspek kesan tersebut boleh ditunjukkan sebagai pencapaian subjek *hifz* al-Quran yang mewakili konsep *talqīn* dan *al-fahm* (al-Qabīsī 1955). Justeru, prestasi pelajar tahfiz yang mempunyai kepelbagaian gred pencapaian adalah hasil pembelajaran yang didasari oleh kekuatan memori mereka (Nor Musliza dan Mokmin 2014). Sementara kekuatan memori mereka adalah berkait rapat dengan sendiri yang menjelaskan karakteristik pelajar tahfiz itu sendiri.

Secara keseluruhannya, kajian yang menggunakan Teori Thorndike (1914) secara menyeluruh berdasarkan tiga hukum masih lagi belum meluas kerana kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada salah satu aplikasi dalam Teori Thorndike. Justeru, Teori Thorndike (1914) disesuaikan dalam kerangka kajian ini secara keseluruhan kerana proses menghafaz al-Quran mengamalkan konsep sebelum kejadian, semasa kejadian dan selepas kejadian. Sejajar dengan konsep tersebut, pencapaian subjek *hifẓ* al-Quran turut menuntut beberapa faktor penting seperti kesediaan serta kemahiran belajar yang konsisten dari para pelajar tahfiz.

PERBINCANGAN

Berdasarkan rajah 1, tema-tema dalam karakteristik pelajar tahfiz dikelaskan kepada dua bahagian penting, iaitu fisiologi dan psikologi. Terdapat dua aspek yang merangkumi karakteristik pelajar tahfiz dari sudut fisiologi, iaitu faktor demografi yang merangkumi jantina dan lokasi tempat tinggal. Manakala karakteristik pelajar tahfiz berhubung psikologi disenaraikan daripada faktor dalaman dan strategi pembelajaran tahfiz.

Rasionalnya, faktor dalaman pelajar tahfiz mempunyai kaitan dengan tindakan kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini kerana, tindakan kognitif, afektif dan psikomotor akan dihasilkan apabila terdapat usaha untuk melakukan sesuatu dalam aktiviti pembelajaran (Thorndike 1914). Tindakan-tindakan ini bertujuan untuk menghasilkan persiapan-persiapan yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar. Contohnya; elemen nilai, jangkakan dan afektif. Pintrich et al. (1991) menjelaskan ketiga-tiga elemen tersebut dapat melancarkan aktiviti pembelajaran. Elemen-elemen tersebut juga merupakan strategi pembangunan dalaman pelajar yang memerlukan perhatian khusus dari semasa ke semasa (al-Masyā'ilat 2010). Justeru, dalam rajah 1 menerangkan faktor dalaman pelajar tahfiz merangkumi empat elemen, iaitu nilai, jangkakan, afektif dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz.


Selain itu, strategi pembelajaran tahfiz juga menuntut aplikasi yang konsisten dari para penghafaz al-Quran (al-Masyā'ilat 2010). Keadaan ini selaras dengan model Thorndike (1914) yang menerangkan tentang teori cuba-jaya dalam hukum latihan. Model ini menjelaskan perkaitan di antara stimulus-respon dengan latihan yang bertubi-tubi. Analoginya, proses menghafaz al-Quran menunjukkan satu bentuk pengulangan yang memerlukan latihan bacaan (*tikrār ma'a talwīn*). Proses latihan bacaan secara berulang tersebut adalah berkaitan dengan kognitif ingatan yang merangkumi ingatan jangka pendek serta ingatan jangka panjang (Atkinson & Shiffrin 1968). Dahlin Karin (2010) menjelaskan bahawa latihan membaca secara

mengulang-ulang bacaan adalah cara untuk mengekalkan fakta ke dalam memori ingatan. Berhubung dengan latihan secara berulang tersebut, Thorndike (1914) menjelaskan bahawa kesan yang positif akan sentiasa diperolehi sekiranya latihan diaktifkan *the law of use*, sementara kesan yang negatif tetap akan berlaku sekiranya tiada pengaktifan kegunaan aspek latihan tersebut *the law of disuse*.

Rajah 1 juga menjelaskan berkenaan aspek latihan yang ditunjukkan sebagai strategi pembelajaran tahfiz merangkumi empat strategi, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif, strategi pengurusan sumber dan strategi menghafaz al-Quran. Hal ini bertepatan dengan Pintrich et al. (1991) yang menjelaskan bahawa proses pembelajaran harus disusun mengikut beberapa strategi seperti kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Dalam proses menghafaz al-Quran, strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber turut dipraktikkan dalam peringkat-peringkat menghafaz al-Quran. Peringkat-peringkat tersebut ialah peringkat sebelum menghafaz al-Quran, peringkat semasa menghafaz al-Quran, peringkat selepas menghafaz al-Quran dan peringkat amalan para penghafaz al-Quran (Intan Zakiah & Munif Zarirruddin 2015).

Rajah 1 juga menjelaskan bahawa gabungan kedua-dua karakteristik pelajar tahfiz dari segi fisiologi dan psikologi mempunyai implikasi tertentu terhadap pencapaian subjek *hifz* al-Quran yang mengandungi dua bentuk penilaian. Dua penilaian tersebut adalah selari dengan aspek kesan dalam hukum Thorndike (1914) yang mengulas berkenaan aspek tersebut sebagai hasil akhir dalam suatu pembelajaran. Situasi ini turut digarapkan oleh al-Qabāsi (1955) yang menerangkan konsep *talqin* sebagai bentuk lisan *talaqqī*. Manakala konsep *al-fahm* diterangkan sebagai aktiviti mengeluarkan semula hafazan yang telah tersemat di dada *istirja* dalam bentuk penulisan.

Menurut Thorndike (1914) kesan positif dapat diperhatikan apabila tautan di antara stimulus-respon (S-R) bertambah kuat. Thorndike (1914) mengetengahkan konsep *reinforcement* (pengukuhan) iaitu berkait rapat dengan ganjaran yang diperolehi. Justeru, gred pencapaian yang didasari dua penilaian akhir merangkumi lisan *syafawī* dan bertulis *tahrīrī* ke atas pelajar tahfiz adalah selaras dengan pertautan stimulus-respons (S-R) para pelajar tahfiz berhubung amanah yang dipertanggungjawabkan. Gred pencapaian dinilai dalam bentuk skor (pungutan *merit*) sebagai hasil akhir dalam satu jangka masa hafazan. Sekiranya gred pencapaian dilihat positif, maka terdapat kesan positif kepada pelajar tahfiz tersebut.



RAJAH 1. Kerangka konsep karakteristik pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek *hifz* al-Quran

KESIMPULAN

Karakteristik pelajar tahfiz merupakan asas penting dalam pencapaian menghafaz al-Quran. Hal ini boleh dilihat dari perbincangan yang berpandukan kepada kajian-kajian lepas. Sehubungan itu, karakteristik pelajar tahfiz perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Satu kerangka berkenaan karakteristik pelajar tahfiz yang mempengaruhi pencapaian subjek *hifz* al-Quran berbentuk lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*) telah dibina. Justeru, kajian ini telah menyenaraikan karakteristik

pelajar tahfiz sebagai faktor demografi, faktor dalaman dan strategi pembelajaran tahfiz. Kerangka kajian turut menjelaskan faktor dalaman sebagai kesediaan dalaman, strategi pembelajaran tahfiz sebagai aspek latihan dan pencapaian subjek *hifz* al-Quran sebagai aspek kesan.

Kesimpulannya, karakteristik pelajar tahfiz (faktor dalaman dan strategi pembelajaran tahfiz) adalah sejajar dengan hukum Thorndike (1914) yang menerangkan berkenaan kesediaan dan latihan. Manakala cadangan Thorndike (1914) dalam aspek kesan serta konsep *talqin* dan *al-fahm* dalam model al-Qabīsi (1955) diaplikasi dalam pencapaian subjek *hifz* al-Quran (pencapaian lisan (*syafawī*) dan penulisan (*tahrīrī*)).

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah. 2007. *Kepelbagaian kaedah menghafal al-Quran di seluruh dunia*. Kertas Kerja Seminar Tahfiz 07. Masjid Sultan, Anjuran Pusat Tahfiz al-Quran, Masjid Kg Singlap, Singapura, 29 Julai.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. 2004. *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam 2004. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 7-9 Disember.
- Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abdul Rahman. 2009. *Kaedah hafaz al-Quran di tahfiz al-Quran Darul Tuba*. *Jurnal Teknologi* 2:1-11.
- Abdul Hafiz Abdullah, Siti Norlina Mohamad & Hasimah Muda. 2008. *Permasalahan Tahfiz al-Quran di Kalangan Wanita*. Johor: UTM Press.
- Anisa, Ida Khusniyah. 2014. *Menghafal al-Quran dengan metode muraja'ah studi kasus di rumah Tahfidz al-ikhlas Karang Rejo Tulungagung*. Laporan Penyelidikan, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri, Tulungagung, Indonesia. <http://repo.iain-tulungagung.ac.id/173/> [20 Julai 2014].
- Anupama Bhargava. 2014. *Learning Without Books*. *Comosa Journal of Open Schooling* 5 (1): 75-87.
- Arif Rahman Hakim. 2013. *Metode tahfidzul Qur'an di sekolah dasar islam tahfidzul Qur'an (SDITQ) al-Irsyad Desa Butuh Kecamatan Tenganan*. Laporan Penyelidikan, Fakultas Tarbiyah, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri, Salatiga, Indonesia. <http://eprints.perpus.iainsalatiga.ac.id/815/> [20 Julai 2014].
- Aslam Muhammad, Zia ul Qayyum, Waqar Mirza M., Saad Tanveer, Martinez-Enriquez A.M., & Afraz Z. Syed. 2012. *E-Hafiz: Intelligent System to Help Muslim in Recitation and Memorization of Quran*. *Life Science Journal* 9(1): 534-541.

- Atkinson, R.C. & Shiffrin, R. M. 1968. Human memory: A proposed system and its control processes. Dlm. K. W. Spence, & J. T. Spence. (pnyt.). *The Psychology of Learning and Motivation (Volume 2)*, hlm. 89-195. New York: Academic Press.
- Azlina Abdullah. 2012. Literatur dan kajian tentang gender di Malaysia sejak 1980 hingga dekad 2000an. Dlm. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Rohaizan Baru, Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar (pnyt.). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, hlm. 27-35. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Azmil Hashim. 2014. Kaedah pembelajaran Tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah* 1 (1): 9-16.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran an Tarbiyyah* 1(1): 9-16.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar belakang guru tahfiz & amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1 (1): 29-39.
- Azrinawati Mohd Remali, Mohamad Afiq Ghazali, Mohammad Khairi Kamaruddin & Tan Yong Kee. 2013. Understanding academic performance based on demographic factors, motivation factors and learning styles. *International Journal of Asian Social Science* 3 (9):1938-1951.
- Barkhuus, L. & Csank, P. 1999. Allport's Theory of traits: A critical review of theory and two studies. Laporan penyelidikan, Concordia University, Canada. <http://www.itu.dk/~barkhuus/allport.pdf/> [15 Januari 2015].
- Bayu Pratama. 2008. Upaya peningkatan prestasi siswa dalam belajar bahasa Arab dengan problem posing di MTs Negeri Piyungan Kabupaten Bantul. Laporan penyelidikan, Fakultas Tarbiyah, Universiti Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia. <http://digilib.uin-suka.ac.id/1327/> [10 Januari 2014].
- Boyle, H. N. 2000. Quranic Schools in Morocco: Agents of preservation and change. Tesis PhD. United States: Universiti of Pittsburgh. <https://www.linkedin.com/pub/helen-n-boyle/5/487/34b> [10 Januari 2014].
- Boyle, H. N. 2006. Memorization and learning in Islamic Schools: Comparative Education Review. *Special Issue on Islam and Education* 50 (3): 478-495. <http://www.jstor.org/stable/10.1086/504819> [10 Ogos 2014].
- Dahlin Karin, I.E. 2010. Effects of working memory training on reading in children with special needs. Department of Special Education Stockholm University. *Springer Science + Bussiness Media B. V.* doi 10.10007/s11145-010-9238-y [20 Julai 2014]

- Darul Quran. 2014. *Info Rekod*. Selangor: Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.darulquran.gov.my/> [20 Julai 2014].
- Edgar, D. W. 2012. Learning theories and historical events affecting instructional design in education: Recitation literacy toward extraction literacy practices. *Sage Journal* 2 (4): 1-9.
- Faris Keblawi. 2013. Memorizing the Quran: opening the research agenda. *WEI International Academic Conference Proceedings*, hlm 93-94. Antalya, Turkey, 14-16 January.
- Fitrotul Laili. 2014. Penerapan metode Drill dalam meningkatkan hasil belajar bahasa Jawa siswa kelas V MI Jati Salam Gombang Pakel Talungagung Tahun Ajaran 2013/2014. Laporan penyelidikan, Jurusan Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negeri, Talungagung, Indonesia. <http://repo.iain-tulungagung.ac.id/232/> [18 Januari 2015].
- Ghazali Yusri Abd Rahman. 2012. Penilaian kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM). Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M. Shah. 2010. Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. *AJTLHE* 2 (2): 46-58.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah M. Shah, & Wan Haslinah Wah. 2011. Kawalan kepercayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. *AJTLHE* 3 (2): 41-47.
- al-Husaini M. Daud. 2014. Al-Qabisi's thought about curriculum in Islamic education. *International Journal for Historical Studies* 5 (2): 187-196.
- Hanifah, Nim. 2010. Upaya meningkatkan prestasi menghafal al-Quran melalui strategi peer lesson pada siswa kelas V Madrasah Ibtidaiyah Ma'arif Tuntang Semarang tahun pelajaran 2011/2012. Laporan penyelidikan, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri, Indonesia. <http://eprints.perpus.iainsalatiga.ac.id/783/> [20 Julai 2014].
- Heri Saptadi. 2012. Faktor-faktor pendukung kemampuan menghafal al-Quran dan implikasinya dalam bimbingan dan kaunseling. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling* 1 (2): 117-121.
- Intan Zakiah Jamaluddin & Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015. Strategi menghafaz al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz: Satu analisis di Marsah, Johor. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Tahunan al-Quran Ke-5. Anjuran Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 5-6 Mei.
- Layin Tanal Zulfa. 2014. Hubungan antara dukungan sosial dengan self efficacy dalam menghafal al-Quran pada Santri Komplek Aisyah Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak Yogyakarta, Laporan penyelidikan Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia. <http://digilib.uin-suka.ac.id/11876/> [15 Januari 2015].

- al-Masyā'īlat, Majdī Sulaimān. 2010. *Tauzīf ibhāth al-Dimagh fi Hifz Ayat al-Quran al-Karīm: Al-Ṭaba 'aṭ al-Ūlā*: Yarmouk: Dar al-Fikr.
- Mittal Monika & Lata Parveen. 2015. Online teaching: An emerging issue in emerging India. *Academicia: An International Multidisciplinary Research Journal* 5 (3): 330-338.
- Mohd Nazri Jamaluddin. 2010. Cara menghafaz al-Quran kaedah al-Munawwar. Kertas Kerja Seminar Kaedah Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Johor. Anjuran Jabatan Agama Negeri Johor. 20 Ogos.
- Mohd Solleh Ab. Razak. 2011. *Sehingga al-Quran terpahat di hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Qodri. 2010. Dinamika Pesantren: Studi tentang Pengelolaan Pondok Pesantren al-Jauharen Kota Jambi. *Media Akademika* 25 (3): 203-223.
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallah Roman & Mohd Faez Ilias. 2015. Strategi awal menghafaz al-Quran menurut Abu Dzar al-Qalamuni. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Tahunan al-Quran Ke-5. Anjuran Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 5-6 Mei.
- Muslihatul Umami. 2013. Hubungan persepsi Santri tentang penerapan Ta'zir dengan kedisiplinan belajar Santri Putri Pondok Pesantren al-Huda Petak Kec. Susukan, Kab. Semarang. Tesis Sarjana. Indonesia: Jurusan Tarbiyah Program Studi Pendidikan Agama Islam Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Salatiga. <http://eprints.perpus.iainsalatiga.ac.id/200/> [17 Januari 2015].
- Najihah Mohd Dlan & Rozilah Kassim. 2012. Exploratory study for the neighbourhood facilities provision in Bandar Baru Bangi, Malaysia. Kertas kerja Conference of Technology Management, Bussiness and Entrepreneurship 2012. Renaissance Hotel, Melaka, 18-19 Disember.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. 2014. Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal. *Proceedings of the Social Sciences Research 2014*, hlm. 827-834. Kota Kinabalu, Sabah, 9-10 June.
- Nur Anisa. 2011. Teknik penaakulan dalam menghafaz al-Quran dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Pahang. Tesis Sarjana Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Nur Istifa'ah. 2009. Pemahaman santri PP. Nurul Ummah atas hadis-hadis tentang lupa dalam menghafal al-Quran. Laporan penyelidikan Universiti Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Indonesia. <http://digilib.uin-suka.ac.id/1841/> [19 Julai 2014].

- Nur Raina Novianti. 2011. Kontribusi pengelolaan laboratorium dan motivasi belajar siswa terhadap efektivitas proses pembelajaran *Jurnal Universitas Pendidikan Islam, Indonesia*, Edisi khusus no.1: 158-166. http://jurnal.upi.edu/file/15-Nur_Raina_Novianti.pdf [19 Julai 2014].
- Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran. 2015. Bilangan pelajar tahfiz Darul Quran, Selangor. Temu bual, 14 April.
- Pintrich, R. P., & Schunk, H. D. 2002. *Motivation in education: Theory, research, and applications 2nd Edition*: United States of America: Pearson Education, Inc., Upper Saddle River, New Jersey 07458.
- Pintrich, R. P., & Elisabeth, V. G. 1990. Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology* 82 (1): 33-40.
- Pintrich, R. P., Smith, D. A., Garcia, T. D., & McKeachie, W. J. 1991. A manual for the use of the motivated strategies for learning questionnaire (MSLQ). National centre for research to improve post secondary teaching and learning, Ann Arbor, MI. Washington, DC.
- al-Qabīsī, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *al-Risālah al-Mufaṣṣolah li ahwal al-Mu'allimīn wa Ahkām al-Mu'allimīn wal Muta'allimīn*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Resti Wulan Sari. 2014. Upaya pengurus pondok Pesantren al-Munawwir Komplek Quran dalam mencetak santri tahfizul Quran 30 juz periode 2012/2013. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Indonesia.
- Riswandi. 2013. Budaya menjaga hafalan al-Quran bagi hafidz dan hafidzah di lingkungan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Laporan penyelidikan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia. <http://digilib.uin-suka.ac.id/9030/> [20 Julai 2014].
- Sedek Ariffin. 2012. Kaedah menghafal al-Quran di Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: Kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, Jakim dengan kaedah al-Huffaz. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Siti Salwa Md Sawari & Muhamad Zahiri Awang Mat. 2014. Harmonizing al-Qabisy's view and practice of J-QAF programme in Malaysian primary school. *Asian Journal of Management Science & Education* 3 (1): 153-162.
- Thorndike, L. E. 1914. *Education psychology*. Britain: Taylor & Francis Group.
- Umu Hani. 2014. Peran pengasuh dalam meningkatkan prestasi menghafal al-Quran Santri PP. Nurul Ummahat Kotagede Yogyakarta. Laporan penyelidikan, Jurusan Bimbingan dan

Kaunseling Islam, Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta. <http://digilib.uinsuka.ac.id/13837/2/pdf> [20 Julai 2014].

Very, J., Magda, B.E. 2011. The effect of reciting Holy Quran toward short-term memory ability analysed through the changing brain wave. Faculty of Psychology psikologi.ugm.ac.id/index.php/fpsi/article/view/18 [20 Julai 2014].

Zimmerman, B.J. 2008. Investigating self-regulation and motivation: Historical background, methodological developments, and future prospects. *American Educational Research Journal* 45 (1): 166-183.